

26 FEB 2001

MAHATHIR-KERAJAAN

KERAJAAN MESTI PERKUKUH KEUPAYAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan mestilah memperkukuhkan keupayaan masing-masing untuk menangani kuasa syarikat-syarikat yang akan menjadi lebih besar daripada mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sesetengah syarikat ini telahpun lebih besar daripada kebanyakan kerajaan. Jika mereka menjadi terlalu besar dan terlalu berkuasa, mereka akan menjadi angkuh dan juga korup," katanya semasa sesi dialog pada Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi di sini.

Dengan demikian, kata beliau, kerajaan-kerajaan haruslah diberikan mandat untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan ini, jika tidak rakyat akan menanggung beban yang besar.

Dr Mahathir berkata harus ada batasan kepada pertumbuhan syarikat-syarikat apabila mereka bercantum, bergabung atau membeli.

Jika tidak, dunia akan menyaksikan perniagaan-perniagaan yang sangat besar tanpa sebarang etika dan moral kecuali untuk mengaut keuntungan bagi diri sendiri, jelas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya tentang peranan kerajaan dalam menyemai etika dan modal serta sama ada kerajaan relevan kepada proses tersebut.

Dr Mahathir menegaskan bahawa dalam usaha mencari untung, kadangkala syarikat-syarikat lumpa tentang implikasi sosial dan ekonomi daripada tindakan mereka.

Contohnya, penyangak pedagang matawang melihat angka apabila mereka mengaut keuntungan berjuta dolar AS walaupun dalam proses berbuat demikian, berjuta orang kehilangan pekerjaan dan ekonomi runtuh.

"Peranan kerajaan adalah seperti orang tengah bagi syarikat untuk menjalankan perniagaan, tetapi bukanlah hingga mereka boleh memusnahkan kehidupan orang lain," tambahnya.

Katanya, walaupun Malaysia bermula sebagai suara tunggal dalam pendiriannya menentang globalisasi mutlak, namun hari ini, negara-negara lain turut menyokong seruannya supaya proses globalisasi dikaji semula.

Pada masa ini, ada orang mengatakan bahawa globalisasi tidak seharusnya dibiarkan mengikut arahnya sendiri tanpa sebarang peraturan, kata Dr Mahathir.

Dalam pada itu, beliau berkata, walaupun krisis kewangan Asia baru-baru ini menunjukkan bahawa beberapa kerajaan Asia perlu menjalani reformasi, krisis tersebut juga mendedahkan bahawa lebih banyak tumpuan diperlukan bagi mengubah struktur kewangan antarabangsa (IFA).

Tetapi, mengubah IFA adalah satu tugas yang sukar kerana ia melibatkan "orang yang berkuasa, yang tidak memberi tindak balas kepada ide daripada orang yang kurang berkuasa," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAD SD KY OS